



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

SULIT

MOF.DS(S)600-40/3/3 (25)

15 November 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN *CONTRACT FOR SERVICE*
TAHUN 2019

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 kepada individu *contract for service* (CFS) gred setara 56 dan ke bawah sebanyak RM500.00. Sehubungan itu, semua individu CFS di gred setara 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat sehingga 18 Disember 2019 layak menerima Bantuan Khas Kewangan CFS Tahun 2019.

3. Pesara Perkhidmatan Awam yang berkhidmat secara CFS dan masih berkhidmat pada 18 Disember 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan CFS Tahun 2019 sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan di mana individu CFS sedang berkhidmat.

SULIT

SULIT

4. Pembayaran adalah tertakluk kepada syarat bahawa individu CFS telah memberi khidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh **1 Januari 2019 hingga 18 Disember 2019.**

5. Bantuan Khas Kewangan CFS Tahun 2019 hanya diberikan kepada individu CFS warganegara Malaysia dan akan dibayar pada 18 Disember 2019.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR)

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia